

Adenan nyata sokongan

Petra Jaya: Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Sa-tem, menyatakan persetujuan kerajaan negeri untuk menyokong penuh pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) selepas mengambil kira implikasi positif jangka panjang terhadap ekonomi Sarawak.

Menurutnya, setiap negara di dunia kini mahukan pelaksanaan sistem penarafan global itu dan Malaysia harus turut serta kerana jika tidak melaksanakannya, negara dikhuatiri akan ketinggalan berbanding negara serantau.

Justeru, beliau menggesa pelaksanaan perjanjian itu dan cadangan mengenainya bakal dibentangkan di Parlimen hujung bulan depan perlu dilihat dalam konteks positif terutama keupayaannya dalam memacu pertumbuhan ekonomi serantau.

“Dalam sebuah masyarakat yang terbuka, TPPA membuka pasaran dan memberi kelebihan daya saing kepada ekonomi kita.

Kita tidak ada pilihan dan saya rasa TPPA adalah pilihan terbaik untuk mengembangkan ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengikuti taklimat pelaksanaan perjanjian itu disampaikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed kepada anggota Kabinet Sarawak dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak di Wisma Bapa Malaysia, semalam.

Adenan yakin selain mengembangkan lagi ekonomi, Kerajaan Pusat juga akan memastikan kepentingan Bumiputera negeri ini dilindungi dalam pelaksanaan TPPA.

Beliau berkata demikian ketika dijemput sebagai panel pada program soal jawab mengenai TPPA anjuran Pemuda UMNO dan Akademi Kepemimpinan Kapten Hussein, di sini, semalam.

Turut hadir memberi penerangan ialah Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Prof Dr Jamal Othman dan Fellow Ekonomi Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) Firdaos Rosli.

Manakala Firdaos berkata, mahu atau tidak, rakyat Malaysia harus menerima realiti bahawa ekonomi sentiasa berubah-ubah dan tanpa TPPA juga perubahan tetap akan berlaku untuk bergerak ke masa hadapan.

Katanya, ia adalah perkara yang perlu diberi lebih penekanan terutama dalam bagaimana untuk mencapai aspirasi negara dan Wawasan 2020.

“Kita perlu tekankan bagaimana untuk capai Wawasan 2020 dan adakah apa yang kita miliki sekarang mencukupi atau perlu sesuatu yang baru.

“Kita mahu bergerak ke hadapan dan ekonomi global sentiasa bergerak, jika tidak kerana perjanjian TPP mungkin ada perjanjian lain. TPPA bukan penghujung dan kita harus jelas mengenai perkara itu,” katanya.



ADENAN pada sesi penerangan TPPA di bangunan Wisma Bapa Malaysia Petra Jaya.